

Pertemuan Pengarang Malaysia-India



» Seminar kongsi perkembangan sastera dua negara

Oleh Hafizah Iszahanid
hafiza@bh.com.my

S eminar Sastera yang diadakan sempena acara Pertemuan Pengarang Malaysia-India di Universiti Madras, Chennai, Tamil Nadu, India, baru-baru ini dilihat sebagai medan perkongsian terbaik antara pengarang dua negara itu dalam membincangkan tentang perkembangan sastera antara kedua-dua negara.

Pembentangan kertas kerja sepanjang dua hari itu menyingkap pelbagai fakta mengenai sastera kedua-dua negara termasuk perkongsian daripada pengarang dan penterjemah, C Mohan menerusi kertas kerja, *The Role of Little Magazine in The Evolution of Neo Tamil Poetry*.

Jelas Mohan, perkembangan sastera Tamil khususnya di Tamil Nadu mempunyai kaitan rapat dengan penerbitan majalah kerana sastera diberikan ruang sebaiknya, sekali gus membantu menyuburkan ranah itu di negara berkenaan.

"Antara yang mestilah disebut adalah Ezhuthu, majalah yang dimulakan oleh penulis veteran India, Si Su Cheillappa pada Januari 1959.

"Majalah yang turut dijolok sebagai 'Pergerakan Ezhuthu' disebabkan prestij yang dimiliki itu, menjadi lebih serius memainkan peranannya sebagai ejen penyuburan sastera yang berpengaruh pada tahun kedua penerbitannya," katanya kepada Sastera BH.

Ezhuthu bukan saja menyiar-

puisi, kata Mohan, bahkan turut menerbitkan analisis dan kritikan sastera sehingga tidak hairanlah, peranan serta pengaruh majalah itu menyebabkan banyak jurnal sastera, majalah mahupun akbar edaran terhad diterbitkan mengenai sastera menjelang era 1970-an.

Puisi dorong terbitkan jurnal

"Penyiaran puisi dalam majalah dan akbar khususnya Ezhuthu turut mendorong penerbitan jurnal sastera yang khusus membicarkan koleksi puisi yang tersiar itu, manakala pada tahun 1978 pula, jurnal sastera, Zhaa diterbitkan menggunakan pendekatan yang sama.

"Sehingga tahun 1990, majalah sangat membantu perkembangan sastera sehingga ke hari ini, meskipun tidak dinafikan sedikit demi sedikit media sosial turut menyumbang," katanya pada seminar sempena pertemuan anjuran Persatuan Penulis Nasional Malaysia (PENA).

Sementara itu, pengkritik sastera India, S Shanmugam pula berkongsi pandangan menerusi *Neo Tamil Poetry: Tracing Its Evolution* yang menjelaskan sekitar dekad 1980-an, kebanyakannya penyair Tamil meneroka pelbagai teknik penulisan puisi dengan penggunaan simbol, realisme magis dan metafora.

Shanmugam berkata, kebanyakannya penyair India masa kini kelihatan lebih gemar menghasilkan puisi dengan sentuhan gaya cerita dan pengaruh prosa.

Pertemuan itu tidak hanya mendedahkan sastera India, bahkan turut membuka tirai sastera Malaysia apabila sorotan pengarang berketurunan India disifatkan tampil setanding dengan pengarang Melayu khususnya dalam konteks pengkaryaan yang merentasi pelbagai isu termasuk kemanusiaan dan nasionalisme.



“Penyiaran puisi dalam majalah dan akbar khususnya Ezhuthu turut mendorong penerbitan jurnal sastera yang khusus membicarkan koleksi puisi yang tersiar itu, manakala pada tahun 1978 pula, jurnal sastera, Zhaa diterbitkan menggunakan pendekatan yang sama”

C Mohan,
Pengarang dan
penterjemah

Perjuangan pengarang India
Pensyarah Jabatan Pengajian India, Universiti Malaya (UM), Dr Mohanal Dass Ramasamy, berkata kesedaran pengarang keturunan India di Malaysia seperti Raja Rajeswari Seeta Raman dan Saroja Theavy Balakrishnan, seiring serta setara nadanya dalam mengungkapkan perjuangan penulis Malaysia yang lain.

Dr Mohanal berkongsi pandangan itu menerusi kertas kerja, *Patriotism, Humanitarianism and Gender Milieus in Malay Poem of an India Writer: A Rhetoric Analysis* juga menyebut Rajeswari sebagai angkatan penulis baharu India, iaitu merujuk penulis berketurunan India yang lebih selesa berkarya dalam bahasa Melayu sebagai penulis yang menghasilkan karya yang baik dengan penggunaan simile dan simbol yang tepat untuk menghuraikan maksud puisinya.

Perkembangan sastera Malaysia khususnya puisi Melayu Modern turut dibincangkan oleh Pensyarah Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Shamsuddin Othman menerusi *Perkembangan Puisi Melayu Modern Malaysia dalam Cabaran Antara-bangsa*.

"Sastera di Malaysia khususnya puisi moden muncul seiring dengan sikap dan fikiran baharu masyarakat di Tanah Melayu sebelum ia dijadikan alat politik apabila negara berdepan dengan penjajahan dan kebangkitan semangat kebangsaan."

"Hala tuju perkembangan puisi mutakhir pula memperlihatkan kewujudan wilayah sastera pasca-modern yang

memungkinkan pengarang mencipta makna baharu daripada lingkungan budaya tempatan dan global lalu," katanya.

Beliau berkata, hal itu mengacu perkembangan puisi ke arah dimensi yang lebih terbuka, selain wacana dan pemikiran yang lebih dinamik khususnya dalam konteks Melayu serta Islam," katanya.



Inba Subramaniam



S Shanmugam



CHENNAI CENTRAL

சென்னை சுன்டிரல்

Happy to help
night & day

CHENNAI CENTRAL
TICKET OFFICE
OPENING HOURS
FREE PAID AUTO
திரும்பு வாணி

THE HINDU

INDIA'S FAVOURITE ENGLISH NEWSPAPER